

Ancaman 'lombong' gas beracun

Tapak tak sempurna ditutup punca mendapan, beri kesan jangka panjang

B.H 17/12/07 M/S 9

Laporan Khas



SAKIT mata memandang, sakit lagi bau yang menusuk hidung. Itulah senario apabila membicarakan masalah tapak pelupusan sisa pepejal (sampah) di negara ini. Kebanyakannya tidak terurus sempurna hingga menyebabkan deria bau bagai tidak mampu bernafas dengan sempurna setiap kali melewati kawasannya.

Lebih menyakitkan hati apabila kewujudan tapak pelupusan sisa pepejal di negara ini bagai tidak terkawal kerana difahamkan bukan sedikit, malah beratus tapak haram muncul di sana sini. Kalau di ceruk kampung mungkin perkara biasa tetapi jika sampai di tengah kepesatan bandar, tapak sebegitu megah menggunung mencemari pemandangan.

Buktinya ada di depan mata dan rasanya mustahil pihak berwajib, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak nampak keadaan itu atau sengaja pejam mata kerana tapak pelupusan dibenarkan berada hanya berpuluh kilometer dari kawasan mereka.

Contohnya, secara terang-terangan di tepi jalan di USJ1, Subang Jaya, sebuah tapak pembuangan sampah haram sebesar padang bola sepak menjadi simbol di kawasan yang semakin dimajukan dengan pembinaan kondominium mewah dan sekolah. Malah, di atas tapak itu akan dibina masjid serta sekolah agama.

Bukan isu baru lagi kerana penduduk di Sungai Kertas, Gombak juga sentiasa merungut kerana masalah yang sama. Macam-macam sudah dilakukan. Jenuh juga media memapar isu ini, namun tindakannya bagai melepaskan batuk di tangga.

Paling tidak pun, apabila arahan supaya tapak itu ditutup, apa yang dilakukan hanya menimbus sampah dengan tanah dan membiarkannya dalam suatu tempoh tertentu. Namun, ia langsung tidak mengikut prosedur penutupan yang selamat.

Masyarakat pula menarik nafas lega apabila penutupan dijalankan tanpa mengetahui mereka akan terus berdepan risiko kerana penutupan tidak dibuat dengan selamat.

Siapa tahu dalam tempoh 10 atau 20 tahun selepas itu, pembakaran berlaku, tanah mendap dan sungai teruk tercemar kerana rupanya masih ada kesan sampingan walaupun tapak itu sudah ditutup.



KAWASAN PEMBUANGAN: Masyarakat masih kurang prihatin mengenai kaedah penutupan tapak pelupusan sampah.

Berapa kerat sangat masyarakat yang tahu perihal biologi dan kaedah penutupan tapak pelupusan sampah. Kalau tahu pun, berapa ramai yang prihatin dan memantau sejauhmana kawasan mereka selamat daripada masalah pencemaran. Jadi, ia pasti berbalik kepada pihak berkuasa untuk memastikan perkara ini tidak terus terjadi.

Melihat kepada angka 108 tapak pelupusan yang tidak ditutup secara selamat sepatutnya mampu membuka mata semua pihak. Memang sekarang ia nampak aman damai tanpa bau busuk dan pemandangan menyakitkan mata.

Namun, jika apa yang sedang bergolok di bawah tanah meletuskan kesannya satu hari nanti, takkan ketika itu baru kecoh di Parlimen memperdebatkan isu ini pula.

Jika tapak pembuangan sampah di USJ1 dijadikan contoh, tidak dapat dibayangkan sekiranya kesan pengumpulan gas metana yang boleh terbakar turut mengheret sama stesen Petronas berhampiran ke kancah bencana. Jika ia terjadi, apa pun tidak berguna lagi.

INFO

Tapak pelupusan sisa pepejal yang ditutup di seluruh negara

Negeri	Jumlah tapak
■ Johor	22
■ Terengganu	12
■ Sarawak	12
■ Pahang	12
■ Selangor	11
■ Negeri Sembilan	10
■ Perak	9
■ Kuala Lumpur	7
■ Melaka	5
■ Kelantan	5
■ Kedah	3
■ Pulau Pinang	2
■ Perlis	1

- Daripada 111 tapak di atas, hanya tiga ditutup dengan selamat
- Terdapat 150 tapak lagi masih beroperasi
- Hanya 10 tapak dibuat menggunakan kaedah sanitari
- Sebanyak 48 tapak dikenal pasti kritikal dan perlu ditutup atau dinaiktaraf segera

Nak disalahkan kerajaan, rasanya bukan sedikit usaha digerakkan untuk menyelesaikan isu tapak pelupusan sampah. Bukan sedikit belanja dikeluarkan untuk memastikan semua kemudahan mampu menampung kekurangan selama ini.

Namun, semakin kerajaan ligat mencari penyelesaian, semakin ligat pula pihak tidak bertanggungjawab termasuk PBT muburukkan suasana.

Justeru, tidak ada cara lain lagi kecuali penguatkuasaan diperketatkan. Jangan terus dibiarkan tapak haram sedia ada menggunung mencecah langit, baru nak bertindak. Jika ada tapak yang akan ditutup, jangan sekadar timbus, kemudian dijadikan tapak perumahan. Kesannya, siapa yang rasa jika bukan pembelinya.

Kata orang, hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, baik lagi negara sendiri. Namun, jangan pula nanti hujan batu menjadi hujan sampah yang menyesakkan dada sesiapa saja sampai masyarakat setempat pun malu nak mengaku itu adalah tempat tinggalnya.